

Wawasan IDB tidak bermakna tanpa pelaksanaan berkesan

Laporan MARHAINI KAMARUDDIN,
DALIZA ARIFFIN dan NORLIZAH ABAS

KUALA LUMPUR 22 Mac - Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB), Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tidak kira betapa bagus sekalipun wawasan yang dirangka oleh IDB untuk memajukan ummah, ia tidak akan memberi makna tanpa pelaksanaan yang berkesan.

Ketika berucap pada mesyuarat ketiga suruhanjaya tersebut di sini hari ini, beliau menekankan pentingnya negara-negara anggota menunjukkan iltizam untuk melaksanakan pelan tindakan tersebut dan pada masa yang sama, umat Islam pula perlu bersedia menerima perubahan daripadanya.

"Hanya dengan kesungguhan (kerajaan Islam) untuk melaksanakan (Wawasan 1440 Hijrah IDB) dan kesediaan umat Islam untuk menerima perubahan, kita dapat meneruskan misi murni untuk membawa kemakmuran kepada ummah di seluruh dunia.

"Oleh kerana kita hendak mengubah nasib kita, kita percaya Allah akan membimbing kita," katanya.

Mesyuarat hari ini dihadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Dr. Awang Adek Hussin selaku wakil kerajaan, Presiden IDB, Dr. Ahmed Mohammed Ali dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

Turut hadir ialah anggota suruhanjaya itu iaitu bekas Menteri Luar Thailand, Dr. Abdul Halim Ismail atau lebih dikenali Surin Pitsuwan.

Suruhanjaya mengambil masa sembilan bulan untuk menyediakan wawasan IDB itu yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, esok.

Wawasan 1440 Hijrah IDB akan menjadi panduan bagi pertubuhan itu untuk bergerak lebih dinamik dalam melaksanakan inisiatif strategiknya untuk membawa kemakmuran dan pembangunan kepada dunia Islam.

Terdapat 1.5 bilion umat Islam di seluruh dunia iaitu meliputi 20 peratus daripada penduduk dunia. Kebanyakan negara Islam memiliki sumber asli yang besar termasuk minyak yang kini mencatatkan harga rekod tertinggi di pasaran dunia.

Bagaimanapun satu pertiga atau 17 daripada 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berada dalam kumpulan pembangunan sumber manusia yang rendah, manakala tidak kurang 27 negara Islam dikategorikan sebagai

berpendapatan rendah.

Dr. Mahathir berkata, suruhanjaya akan mengadakan pertemuan dengan Lembaga Pengarah IDB dalam tempoh mesyuarat tiga hari ini bagi meyakinkan bahawa wawasan tersebut akan menjadi panduan berkesan menentukan hala tuju umat Islam di seluruh dunia pada 2020.

km - 23/3/2006

Hanya dengan kesungguhan (kerajaan Islam) untuk melaksanakan (Wawasan 1440 Hijrah IDB) dan kesediaan umat Islam untuk menerima perubahan

DR. MAHATHIR
MOHAMAD